



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **29 Jul2021 (Thursday)**

### **Berita Harian**

Sultan Selangor dukacita pegawai kerajaan negeri rasuah 1

### **Utusan Malaysia**

Sultan Selangor titah tarik darjah kebesaran 2

Ibu Yati, bekas profesor madya mengaku tidak bersalah 3

Penduduk, peniaga lega CAC Klang pindah 4

### **Harian Metro**

Pindah CAC kerana rungutan penduduk 5

Sultan Selangor dukacita pegawai terbabit rasuah 6

Untukmu kapten! 7

### **Kosmo**

Penduduk bersyukur CAC Taman Sri Andalas akhirnya dipindah 8

Tarik balik darjah, bintang kebesaran 9

### **Sinar Harian**

Sultan Selangor zahir dukacita kes rasuah 10

Pokok sawit haram dimusnahkan 11

### **Selangor TV**

7,000 Pelajar PTRS Terima Bantuan Data Internet Mulai Oktober 12

7,000 Pengguna Grab Lulus Rebat RM20 Ke PPV 13

MBI Serah Peranti Bantu Pelajar Jalani PdPR 14

Sekolah Beri Kelonggaran PdPR, Ringan Beban Pelajar Tiada Gajet 15

### **TV3**

SPRM Menjunjung Kasih Atas Titah Sultan Selangor 16

### **The Star**

Close to 80% of MBSJ workforce fully vaccinated against Covid-19 17

COUNCIL MATTERS 18

MARKET CLOSURE 19

SELANGOR AID 20

Selangor Sultan urges strong action against graft 21

'Consider reopening open-air markets' 22

MDHS checks on odour pollution at two factories 23

### **New Straits Times**

Andalas CAC moving to Port Klang 24

### **Sin Chew Daily**

30 businesses compete for top 10 in Selangor Accelerator Programme 25

Pasar Taman Suntex cheras closed 7 days after 6 hawkers are tested positive for Covid-19 26

Yu Shen En urges support for school bus owners by providing 6 months subsidy and reduce road taxes 27



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 29 July 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor dukacita pegawai kerajaan negeri rasuah
Muka Surat	:	14

# Sultan Selangor dukacita pegawai kerajaan negeri rasuah

**Shah Alam:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita apabila terdapat beberapa pegawai kerajaan di Selangor terabit dengan kegiatan rasuah yang boleh meruntuhkan imej pentadbiran dan nama baik seluruh pegawai kerajaan negeri ini.

Setiausaha Sulit Sultan

Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani menerusi kenyataan akhbar memaklumkan, baginda menegaskan pegawai kerajaan negeri yang didapati bersalah dalam aktiviti rasuah atau pecah amanah perlu dikenakan tindakan tatatertib serta hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

"Mana-mana pegawai kera-

jaan dan ahli politik yang dikurniakan darjah dan bintang kebesaran serta pingat negeri Selangor dan didapati melakukan kesalahan rasuah, maka kurniaan itu akan ditarik balik," katanya dalam kenyataan yang dimuat naik di Facebook Selangor Royal Office, semalam.

Mohamad Munir berkata,

Sultan Selangor turut menzahirkan penghargaan baginda kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang sudah melaksanakan tanggungjawab menyasat dan memastikan aktiviti rasuah di negeri ini dapat dibanteras.

"Baginda menyeru pihak SPRM supaya terus menjalankan penyiasatan yang telus dan

teliti serta mendapatkan bukti kukuh bagi memastikan me-reka yang melakukan rasuah tidak terlepas daripada hukuman sewajarnya," katanya.

Beliau berkata, Sultan Selangor juga mengingatkan bahawa rasuah dan penyalahgunaan kuasa adalah satu gejala yang boleh merosakkan masyarakat dan menjatuhkan negara.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**29 July 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor titah tarik darjah kebesaran
Muka Surat	:	7

Baginda dukacita ramai pegawai kerajaan, ahli politik terlibat rasuah

# Sultan Selangor titah tarik darjah kebesaran

Oleh **ISKANDAR SHAH MOHAMED**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan supaya kurniaan Darjah, Bintang Kebesaran serta Pingat negeri bagi pegawai kerajaan dan ahli politik yang didapati melakukan kesalahan rasuah, ditarik balik.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani berkata, Sultan Sharafuddin menzahirkan rasa dukacita apabila mengetahui beberapa pegawai kerajaan di negeri ini terlibat dengan kegiatan rasuah seperti dilaporkan baru-baru ini.

“Baginda menegaskan pegawai kerajaan di Selangor yang didapati bersalah terlibat dalam aktiviti rasuah atau pecah amanah perlu dikenakan tindakan tatatertib dan hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

“Kegiatan rasuah boleh meruntuhkan imej pentadbiran dan nama baik seluruh pegawai kera-



**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH**

jaan negeri ini,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dalam pada itu, Mohamad Munir berkata, Sultan Selangor menzahirkan penghargaan kepada Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) yang melaksanakan tanggungjawab menyasiat dan memastikan aktiviti rasuah dapat dibanteras di negeri ini.

“Baginda menyeru SPRM

supaya terus menjalankan penyasiatan yang telus dan teliti serta mendapatkan bukti-bukti kukuh,” katanya.

Kata Mohamad Munir, Sultan Sharafuddin turut mengingatkan bahawa rasuah dan penyalahgunaan kuasa merupakan gejala yang boleh merosakkan masyarakat serta menjatuhkan negara.

Minggu lalu, SPRM menahan dua bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran di Selangor kerana disyaki menerima rasuah daripada kontraktor projek dan pemaju perumahan di kawasan masing-masing.

Kedua-dua bekas YDP tersebut yang kini memegang jawatan Pegawai Daerah (DO) berusia 47 tahun itu ditahan di Ibu pejabat SPRM ketika hadir memberi keterangan lewat malam Khamis lalu.

Seorang kontraktor yang terlibat turut ditahan bagi membantuisiasat kerana merasuah kedua-dua suspek bagi membolot projek yang ditawarkan di dua majlis perbandaran yang diketuai kedua-dua bekas YDP tersebut.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>29 July 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Ibu Yati, bekas profesor madya mengaku tidak bersalah
Muka Surat	:	12

# Ibu Yati, bekas profesor madya mengaku tidak bersalah

Oleh **NORHAYATI YAHAYA**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Bekas wartawan, Wan Noor Hayati Wan Alias bersama dua individu lain termasuk seorang bekas profesor madya sebuah universiti tempatan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Tinggi Syariah di sini semalam atas tujuh pertuduhan menjelaskan doktrin bertentangan dengan hukum syarak dan mempersendakan ayat al-Quran antara Disember 2020 hingga Februari tahun ini.

Kesemua tertuduh, Wan Noor Hayati, 42; Noorafiza Ahmad, 46, dan Prof. Madya Abdul Hamid Yeop Zainuddin, 60, membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Syarie, Mohammad Khalid Shee@Shaii.

Terdahulu, mahkamah dimaklumkan bahawa Wan Noor Hayati bebas daripada Covid-19 selepas didapati menjadi kontak rapat dengan seorang banduan yang disahkan Covid-19 di penjara sebelum ini.

Wan Noor Hayati yang lebih dikenali sebagai Ibu Yati didakwa dengan tiga pertuduhan manakala Noorafiza yang



**WAN Norhayati Wan Alias atau lebih dikenali Ibu Yati yang terpalit dengan isu ajaran sesat Agama Melayu hadir di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI**

merupakan pembantu tadbir di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia didakwa dengan satu pertuduhan melalui Facebook masing-masing menjelaskan doktrin bertentangan dengan hukum syarak mengikut Seksyen 7(1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau sebatan enam kali atau dihukum dengan kombinasi hukuman itu.

Kedua-dua mereka didakwa melakukan kesalahan itu antara 2 Disember 2020 hingga 30

Januari 2021.

Abdul Hamid yang hadir dengan berkerusi roda pula didakwa atas tiga pertuduhan iaitu dua pertuduhan menjelaskan doktrin bertentangan dengan hukum syarak mengikut Seksyen 7(1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor dan satu pertuduhan mempersendakan ayat al-Quran mengikut Seksyen 9 Enakmen sama.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di Taman Dato Razali, Kampung Melayu Ampang, dekat sini pada pukul 9 malam, 2 Februari lalu.

Sebutan kes bagi Wan Noor Hayati dan Noorafiza ditetapkan pada 2 November tahun ini manakala Abdul Hamid pada 18 Januari tahun hadapan.

*Utusan Malaysia* pada 3 Februari lalu melaporkan, Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memanggil Ibu Yati bagi membantu siasatan berhubung dengan ajaran sesat Agama Melayu.



**KERATAN AKHBAR**  
**29 July 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Penduduk, peniaga lega CAC Klang pindah
Muka Surat	:	27



**SHAHRIN M. Tamin (depan dua dari kanan) berdoa bersama penduduk setempat menzahirkan kesyukuran Pusat Penilaian Covid-19 (Covid-19) dipindahkan ke Pelabuhan Klang, esok. - UTUSAN / ABDUL RAZAK IDRIS**

## Penduduk, peniaga lega CAC Klang pindah

**KLANG:** Penduduk dan peniaga di Taman Sri Andalas di sini berhampiran Dewan Sukan Klang yang menjadi Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) boleh menarik nafas lega apabila pusat itu akan dipindahkan ke Pelabuhan Klang mulai Jumaat ini.

Pemindahan itu dibuat selepas Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Klang mengenal pasti lokasi baharu iaitu, Dewan Majlis Perbandaran Klang (MPK) di sana dan kini kerja pembersihan dan sanitasi sedang dilakukan bagi menjadikan tempat itu sebagai CAC baharu.

Perkara itu disahkan Ahli De-

wan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Kandis, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni yang memaklumkan pemindahan berkenaan dibuat selepas menerima aduan daripada orang awam khususnya penduduk tempatan.

“Pemindahan ini mengambil masa kerana pihak PKD inginkan tempat lebih besar. Dewan Serbaguna tersebut ada enam gelanggang badminton. Hanya lokasi di Pelabuhan Klang tersebut ada dewan seluas itu,” katanya.

Terdahulu, penduduk setempat membuat bantahan di media sosial dan media perdana ber-

hubung kewujudan CAC yang sudah dua minggu beroperasi hingga menyebabkan kehidupan seharian penduduk terjejas.

Sementara itu, seorang penduduk di Taman Sri Andalas, Datuk Hamzah Umar, melahirkan rasa syukur dengan pemindahan dewan berkenaan yang terletak hanya 100 meter daripada rumahnya.

Peniaga restoran, Shahrin M.Tamin pula berkata, pemindahan CAC itu berita gembira kepada dirinya dan penduduk sekitar kerana boleh berniaga tanpa risau dijangkiti wabak pandemik.



## KERATAN AKHBAR

29 July 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pindah CAC kerana rungutan penduduk
Muka Surat	:	4

# Pindah CAC kerana rungutan penduduk

**Klang:** Selepas tiga minggu menerima rungutan penduduk, Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) bagi Daerah Klang di Dewan Sukan Taman Sri Andalas di sini, akhirnya akan dipindahkan ke Dewan Serbaguna Pelabuhan Klang bermula esok.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, perkara itu diputuskan selepas beliau mengadakan perbincangan bersama Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negeri, Datuk Nor Azmie Diron pada 25 Julai lalu.

Justeru itu katanya, pengoperasian CAC di Dewan Sukan Taman Sri Andalas bermula 12 Julai lalu akan ditamatkan hari ini (29 Julai).

“Pemilihan lokasi baru ini selepas mengambil kira beberapa faktor iaitu jauh dari komuniti penduduk, dewan berkenaan mempunyai ruang letak banyak, berdekatan dengan sebuah klinik kesihatan bagi memudahkan sebagai urusan.

“CAC sekarang begitu de-

kat dengan komuniti iaitu sekitar radius 40 meter dengan rumah dan surau. Saya lega akhirnya CAC ini akan dipindahkan,” katanya dalam sidang media berhubung pemindahan CAC berkenaan di sini, semalam.

Menurut Mohd Zawawi, CAC Dewan Sukan Taman Sri Andalas yang sepatutnya dijangka beroperasi sehingga Disember depan mendapat bantahan penduduk sejak awal lagi.

“Dari awal pemilihan lokasi dan dari awal pembukaan CAC ini, ia mendapat bantahan seluruh penduduk Taman Sri Merising serta seluruh penduduk Taman Sri Andalas dari pelbagai lapisan masyarakat.

“Kegusaran penduduk ternyata berasas apabila berlaku kesesakan pada hari pertama pembukaan dengan limpahan pesakit yang beratur hingga lebih 200 meter dan berlaku kesesakan lalu lintas di sekitar kawasan perumahan serta pelbagai masalah lain,” katanya.



## KERATAN AKHBAR

29 July 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor dukacita pegawai terbabit rasuah
Muka Surat	:	18

# Sultan Selangor dukacita pegawai terbabit rasuah

**Shah Alam:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita apabila beberapa pegawai kerajaan negeri itu terbabit dalam kegiatan rasuah yang boleh meruntuhkan imej pentadbiran dan nama baik seluruh pegawai kerajaan negeri.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani menerusi kenyataan akhbar memaklumkan, baginda menegaskan bahawa pegawai kerajaan negeri yang didapati bersalah terbabit dalam aktiviti rasuah atau pecah amanah perlu dikenakan tindakan tatatertib serta hukuman setimpal dengan kesalahan dilakukan.

“Mana-mana pegawai kerajaan dan ahli politik yang dikurniakan Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor dan didapati melakukan kesalahan rasuah, maka kurniaan terbabit akan ditarik balik.

“Sultan Selangor turut menzahirkan penghargaan baginda kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang sudah melaksanakan tanggungjawab menyasat dan memastikan aktiviti rasuah di negeri ini dapat dibanteras.

“Baginda menyeru pihak SPRM supaya terus menjalankan penyiasatan yang telus dan teliti serta mendapatkan bukti-bukti yang kukuh bagi memastikan mereka yang melakukan rasuah tidak terlepas daripada menepi hukuman yang sewajarnya,” katanya dalam kenyataan yang di muatnaik di Facebook Selangor Royal Office semalam.

Beliau berkata, Sultan Selangor juga mengingatkan bahawa rasuah dan penyalahgunaan kuasa ini adalah satu gejala yang boleh merosakkan masyarakat serta menjatuhkan negara.



**KERATAN AKHBAR**  
**29 July 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Untukmu kapten!
Muka Surat	:	45

# Untukmu kapten!

## Selangor FC tanggung semua kos rawatan kanser testis Brendan

Oleh Firdaus Hashim  
 firdaushashim@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Selangor FC memberi sepenuh sokongan dan bantuan termasuk segala proses perubatan yang diperlukan tonggak tengahnya, Brendan Gan yang ketika ini sedang 'berperang' dengan kanser testis.

Jelas Ketua Pegawai Eksekutif Selangor FC, Dr Johan Kamal Hamidon, Pengerusi kelab iaitu Raja Muda Selangor (RMS), Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj antara individu yang mengambil berat terhadap kebajikan semua pemain termasuk masalah kesihatan yang mem-

nimpa Brendan. Katanya, sejak dimaklumkan mengenai kesihatan pemain kebangsaan itu, Tengku Amir terus mengarahkan agar kelab segera mengambil langkah drastik dengan merujuk tahap kesihatan Brendan bersama doktor pakar.

Menurutnya, semua kos rawatan ditanggung pihak kelab menerusi perlindungan insurans yang diwajibkan ke atas semua pemain Red Giants.

"Alhamdulillah, pemain semuanya memiliki insurans perubatan di mana semuanya di bawah kelab. Malah, pasukan perubatan

kita dan pakar bekerjasama erat untuk memberi rawatan terbaik dan sempurna kepada Brendan.

"Tapi untuk saya berkongsi lebih detail tak tahu boleh atau tidak kerana Brendan sendiri meminta agar dirinya diberi ruang dan privasi untuk menjalani tempoh rawatan ini.

**"Brendan sendiri meminta agar diberi ruang dan privasi menjalani tempoh rawatan"**  
 Dr Johan

Namun ada beberapa prosedur yang harus dilakukan termasuk sekali kitaran kimoterapi bagi matikan kuman tetapi butiran lebih mendalam saya tidak ada. Ia antara pesakit dan pegawai perubatan sahaja.

"Apapun, kita akan berikan sepenuh sokongan moral dan bantuan sehingga dia mam-

pu pulih sembuh. RMS juga mengarahkan saya untuk kelab menampung segala perubatannya dan kita akan pastikan perkara itu," katanya ketika dihubungi Arena Metro.

Sebelum ini, penyokong bola sepak negara dikejutkan dengan perkhabaran Brendan menghidap kanser testis dan khidmatnya mungkin terpaksa diketepikan bagi membolehkan proses pemulihan dijalankan.

Menerusi satu kenyataan media dikongsikan kelabnya, bekas pemain Kelantan dan Perak itu sudah menjalani pembedahan bagi membuang ketumbuhan itu.

Walaupun 'jeneral' tengah itu baru sahaja membuat pembedahan, semangat Brendan cukup tinggi dan mahu segera pulih untuk membantu skuad Merah Kuning dalam baki kempen Liga Malaysia musim ini.



BRENDAN (tengah) mahu segera pulih untuk membantu Red Giants dalam baki aksi liga.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>29 July 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Penduduk bersyukur CAC Taman Sri Andalas akhirnya dipindah
Muka Surat	:	5

# Penduduk bersyukur CAC Taman Sri Andalas akhirnya dipindah

**KLANG** – Perjuangan penduduk di Taman Sri Andalas, di sini berhubung pemindahan Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Klang akhirnya berjaya apabila CAC itu akan dipindahkan ke Pelabuhan Klang.

CAC akan beroperasi di lokasi baharu tersebut esok selepas Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) mendengar bantahan mereka.

Seorang penduduk, Datuk Hamzah Umar berkata, dia bersyukur dengan pemindahan itu susulan CAC itu menimbulkan kekusaran masyarakat sekitar terhadap jangkitan Covid-19.

Tambahan, katanya, jarak CAC di dewan berkenaan sebelum ini hanya 100 meter daripada kediaman penduduk.

"Penduduk di sini sudah lama bimbang sejak CAC diwujudkan di sini pada 12 Julai lalu. Pengumuman PKD itu amat dinantikan dan memberikan kelegaan kepada semua penduduk sekitar taman ini," katanya ketika ditemui semalam.

Kosmo! sebelum ini melaporkan pembukaan Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di Dewan Sukan Taman Sri Andalas, di sini mendapat bantahan daripada 1,500 penduduk setempat.

Bagi peniaga restoran, Shahrin M. Tamin, pemindahan CAC itu adalah berita gembira dan berharap pihak berkuasa akan meminta pandangan penduduk



**PENDUDUK** menzahirkan kesyukuran selepas CAC di Taman Sri Andalas, Klang akan dipindahkan ke Pelabuhan Klang esok.



**KERATAN Kosmo! 27 Julai 2021.**

setempat sekiranya berhasrat mewujudkan CAC di mana-mana kawasan perumahan selepas ini.

"Kita bimbang jika benar virus tersebut bersifat sporadik sudah pasti ia mampu menjangkiti sesiapa sahaja di pusat komersial ini," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Surau An Naim Taman Sri Andalas, Saijan Sikon menegaskan, ini akan membolehkan penduduk

hidup seperti biasa semula tanpa perlu bimbang sehingga menutup tingkap dan pintu rumah mereka.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Kandis, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni berkata, pemindahan CAC ke Pelabuhan Klang itu dilakukan susulan desakan oleh penduduk yang bimbang dengan penularan Covid-19.

"Pemindahan ini mengambil masa kerana pihak PKD inginkan tempat lebih besar.

"Dewan serbaguna tersebut ada enam gelanggang badminton dan hanya lokasi di Pelabuhan Klang mempunyai keluasan berkenaan," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 July 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Tarik balik darjah, bintang kebesaran
Muka Surat	:	7



Sultan Selangor dukacita pegawai kerajaan negeri terlibat dalam kegiatan rasuah

## Tarik balik darjah, bintang kebesaran

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan supaya kurniaan darjah, bintang kebesaran serta pingat negeri bagi pegawai kerajaan dan ahli politik yang didapati terlibat dalam melakukan kesalahan rasuah ditarik balik.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani berkata, Sultan Sharafuddin menzahirkan rasa dukacita apabila mengetahui beberapa pegawai kerajaan di negeri ini terlibat dengan kegiatan rasuah baru-baru ini.

Jumaat lalu, dua bekas Yang Dipertua (YDP) majlis perbandaran di Selangor dan seorang bekas timbalan YDP serta seorang pegawai daerah direman bagi membantu siasatan menerima pelbagai habuan daripada kontraktor dan pemaju perumahan untuk meluluskan projek-projek di kawasan ma-



la bagi memastikan mereka yang melakukan rasuah tersebut tidak terlepas daripada menerima hukuman sewajarnya."



KERATAN Kosmo! 24 Jun 2021.

sing-masing.

Kata Mohamad Munir, baginda menegaskan bahawa pegawai kerajaan di Selangor yang didapati bersalah terlibat dalam

aktiviti rasuah atau pecah amanah perlu dikenakan tindakan tatatertib dan hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

"Kegiatan rasuah boleh meruntuhkan imej pentadbiran dan nama baik seluruh pegawai kerajaan negeri ini," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohamad Munir berkata, Sultan Selangor menzahirkan penghargaan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang melaksanakan tanggungjawab menyasat dan memastikan aktiviti rasuah dapat dibanteras di negeri ini.

"Baginda menyeru SPRM supaya terus menjalankan penyiasatan yang telus dan teliti serta mendapatkan bukti-bukti yang kukuh.

"la bagi memastikan mereka yang melakukan rasuah tersebut tidak terlepas daripada menerima hukuman sewajarnya,"



SULTAN SHARAFUDDIN

katanya.

Kata Mohamad Munir, Sultan Sharafuddin turut bertitah mengingatkan bahawa rasuah

dan penyalahgunaan kuasa merupakan gejala yang boleh merosakkan masyarakat serta meruntuhkan negara.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>29 July 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor zahir dukacita kes rasuah
Muka Surat	:	13

# Sultan Selangor zahir dukacita kes rasuah

Baginda mahu pegawai kerajaan terlibat rasuah dihukum, tarik balik bintang kebesaran

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**

**SHAH ALAM**

**S**ultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita apabila mengetahui terdapat beberapa pegawai kerajaan di Selangor terlibat kegiatan rasuah yang boleh meruntuhkan imej pentadbiran dan nama baik seluruh pegawai kerajaan di negeri ini.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani menerusi kenyataan akhbar me-

maklumkan, baginda menegaskan sesiapa pegawai kerajaan di Selangor didapati bersalah terlibat dalam aktiviti rasuah atau pecah amanah hendaklah dikenakan tindakan tatatertib dan hukuman setimpal dengan kesalahan dilakukan.

Menurut beliau, Sultan Sharafuddin bertitah, mana-mana pegawai kerajaan dan ahli politik yang dikurniakan darjah dan bintang kebesaran serta pingat negeri Selangor dan didapati melakukan kesalahan rasuah, maka kurniaan tersebut akan ditarik balik.

“Sultan Selangor menzahirkan penghargaan baginda kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang telah me-



**SULTAN SHARAFUDDIN**

laksanakan tanggungjawab menyasat dan memastikan aktiviti rasuah dapat dibanteras,” katanya dalam kenyataan yang dikongsikan di Facebook Selangor Royal Office pada Rabu.

Tambah Mohamad Munir, Sultan Selangor turut menggesa pihak SPRM terus menjalankan penyiasatan secara

telus dan teliti serta mendapatkan bukti kukuh bagi memastikan mereka yang melakukan rasuah tidak terlepas daripada menerima hukuman sewajarnya.

“Baginda mengingatkan bahawa rasuah dan penyalahgunaan kuasa ini adalah satu gejala yang boleh merosakkan masyarakat serta menjatuhkan negara,” kata beliau.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>29 July 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pokok sawit haram dimusnahkan
Muka Surat	:	23

# Pokok sawit haram dimusnahkan

Babitkan kawasan seluas 12 hektar di Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**

**SHAH ALAM**

**K**erajaan Selangor memusnahkan pokok kelapa sawit yang ditanam secara haram di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Kuala Langat Selatan dalam operasi selama empat hari bermula Isnin.

Exco Pelancongan dan Alam Sekitar Selangor, Hee Loy Sian berkata, operasi bersepadu Ops Langat itu dilakukan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Selangor dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala



Operasi memusnahkan pokok sawit yang ditanam secara haram di HSK Kuala Langat Selatan pada Selasa.

Langat serta Bahagian Penguatkuasaan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Menurutnya, operasi itu memabitkan kawasan seluas 12 hektar di petak 17 dan sebahagian petak 19 HSK Kuala Langat Selatan.

"Operasi bersepadu itu ter-

tumpu kepada pemusnahan pokok kelapa sawit yang berusia dua tahun dengan menggunakan tiga jengkaut.

"Tindakan menanam pokok kelapa sawit di kawasan terbabit menyalahi peruntukan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985," katanya yang memuat naik kenyataan itu di

Facebook beliau pada Selasa.

Loy Sian berkata, tindakan penguatkuasaan itu juga diambil selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor pada 14 Julai lalu.

"JPN Selangor diarahkan melaksanakan operasi penguatkuasaan hutan secara bersepadu di

kawasan berkenaan," katanya.

Jelas beliau, sebelum ini operasi turut dijalankan dengan memusnahkan 350 anak pokok kelapa sawit yang ditanam secara haram di kawasan sama seluas kira-kira dua hektar pada 14 Julai lalu.

Katanya, tindakan itu dilakukan berikutan terdapat kes pembakaran secara terbuka di kawasan hutan berkenaan.

Beliau memberitahu, pembakaran terbuka mengakibatkan kerajaan negeri Selangor terpaksa menanggung kerugian berpuluh-puluh ribu ringgit.

"Kegiatan ini dilakukan pihak tidak bertanggungjawab yang melakukan pembakaran secara terbuka di kawasan hutan berkenaan.

"Akibat aktiviti pembakaran itu, kami dengan kerjasama Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia (JBPM) terpaksa melakukan operasi pemadaman kebakaran seluas kira-kira 2.8 hektar di hutan simpan itu pada 27 Jun lalu," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**28 July 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	7,000 Pelajar PTRS Terima Bantuan Data Internet Mulai Oktober
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**28 July 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
